



SISI ESTETIKA PASAR BORONG KL

PERTANDINGAN Mural dan Grafiti 'Wall Battle' yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertujuan untuk mengubah dinding-dinding yang besar dan suram di Pasar Borong Kuala Lumpur kepada suasana yang lebih ceria dan menarik perhatian orang ramai. Pertandingan lukisan dinding yang julung kali diadakan bagi memberi peluang kepada komuniti seni mural dan grafiti untuk mengekspresikan idea masing-masing.

BERITA LANJUT DAN NAMA PEMENANG DI MUKA 12 & 13



'Pipe Jacking' atasi banjir kilat di KL 2021

BANJIR kilat dan Kuala Lumpur (KL) umpama 'irama dan lagu' yang tidak dapat dipisahkan terutama di Sungai Toba serta Sungai Keroh.

Keadaan semakin membimbangkan apabila bencana tersebut semakin

kerap berlaku sehingga banyak kenderaan terkandas selain merosakkan peralatan rumah, namun ia tidak melibatkan kemalangan jiwa.

Menjelas mengenainya, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, bagi mengatasi

masalah banjir di Kawasan Tadahan Sungai Toba, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merangka kerja-kerja Pipe Jacking (sambungan paip) pada tahun hadapan.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Dunia kayangan 'segitiga emas' Kuala Lumpur
➤➤ 9, 10 & 11



Pilihan 'padu' di Restoran Gegey
➤➤ 15



Rumah selesa untuk warga PPR/PA agenda Rizalman
➤➤ 21



Kemaslahatan rakyat perlu diutamakan - Annuar

DAHULUNYA, penaja jalan dipandang enteng seolah-olah 'golongan bawahan', namun kini mereka yang berada di awan biru memilih 'kerjaya' tersebut sebagai mata pencarian tatkala krisis COVID-19 melanda dunia.

Justeru, tindakan Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok yang mempertikaikan usaha kerajaan dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mewujudkan peluang niaga dengan membandingkan dengan Ketereh, Kelantan dilihat tidak wajar.

Beliau kemudian disanggah Menteri Wilayah Persekutuan,

Tan Sri TPr Annuar Musa yang menyatakan kerajaan perlu sentiasa mengambil tindakan prihatin dan memberi perhatian khusus kepada kebajikan serta kemaslahatan rakyat Malaysia.

Mengulas mengenai nainya, ujar beliau, Wilayah Bebas Berniaga bukan bermaksud penaja boleh berniaga di mana-mana sahaja tanpa sebarang kawalan.

"Garis Panduan mengenai tatacara mudah perlu dipatuhi malah ia diselaraskan dengan peraturan dan



ANNUAR

undang-undang kecil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) serta Perbadanan Labuan (PL) yang sedia ada," tegasnya.

"Beliau berkata demikian ketika sesi penggulangan perbincangan menteri bagi Belanjawan 2021 pada Rabu.

Annuar sekali lagi memaklumkan, inisiatif berkenaan dilaksanakan bagi meringankan beban warga kota yang terjejas sumber pendapatan dan pihak berkuasa

tempatan merealisasikan dengan memudahkan proses permohonan lesen, memendekkan masa kelulusan serta mengecualikan bayaran lesen.

Selain itu, ujarnya, bagi Kuala Lumpur, DBKL telah melancarkan Lesen Sementara KL Prihatin yang membenarkan aktiviti perniagaan penaja di mana sahaja selama enam bulan bermula 15 November hingga 15 April 2021.

"Permohonan boleh dilakukan dalam talian manakala lesen boleh dicetak sekiranya permohonan diluluskan.

"Keputusan permohonan secara dalam talian akan diperoleh

dalam tempoh 24 jam manakala proses permohonan secara manual akan diproses dalam tempoh tiga hari," ujarnya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Ketereh menambah, sehingga 23 November 2020, sebanyak 1,797 permohonan lesen telah diterima DBKL dan daripada jumlah itu, 728 permohonan diluluskan manakala 402 permohonan lulus bersyarat. **W K**

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



Peruntuk RM1.6 juta naik taraf sistem perparitan atasi banjir kilat

DBKL rangka strategi baharu

DARI MUKA DEPAN

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

JUMLAH taburan hujan yang luar biasa pada masa ini di samping pembangunan pesat sehingga mengganggu sistem perparitan, antara punca berlakunya banjir kilat di Kuala Lumpur.

Mengulas tentang keadaan itu, Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa peka dengan keadaan semasa dan telah melaksanakan banyak tindakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Jelas beliau, antara tindakan yang diambil adalah menaiktaraf sistem perparitan di kawasan

Segambut Bahagia yang menelan belanja sebanyak RM1.6 juta.

"Selain itu, Kolam Takungan Banjir (On Site Detention - OSD) turut dibina di Taman Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn Bhd (SPPK) Segambut (RM4.8 juta) dan Segambut Bahagia (RM9 juta) serta pengorekan pasir secara berkala," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab persoalan daripada Ahli Parlimen Segambut semasa sesi penggulangan di Dewan Rakyat pada 25 November lalu.

Mengulas lanjut, Annuar memberitahu, bagi tahun 2021, DBKL telah merancang pelaksanaan projek bagi mempertingkatkan sistem perparitan utama dan kerja-kerja 'pipe jacking' di kawasan tadahan Sungai Toba.

Antara lain, jelas beliau,

bandaraya turut merangka cadangan tebatan banjir jangka pendek dan panjang bagi Sungai Toba serta lokasi-lokasi lain di Kuala Lumpur.

Ujarnya, menerusi pelaksanaan itu, Kuala Lumpur bersedia menghadapi masalah banjir kilat di masa hadapan.

Dalam pada itu, Annuar memaklumkan, pihak DBKL juga sering mengadakan mesyuarat dan perbincangan untuk rangka perancangan mitigasi banjir kilat di kawasan Sungai Keroh yang di bawah kendalian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). **W K**

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



KAEDAH sambungan paip (pipe jacking) akan digunapakai di dalam sistem pengairan Kuala Lumpur. - Gambar Khidmat Hijau

Kampung Baru sebagai pusat bandar moden

KAMPUNG BARU akan ditransformasikan sebagai pusat bandar moden bersama pembangunan berkualiti yang berdiri seiring pembangunan sekitar Segitiga Emas Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, Kampung Baru sinonim sebagai tempat perniagaan yang pesat dengan penyertaan majoriti orang Melayu.

Oleh itu, ujar beliau, pembangunan perlu dirancang secara teliti dan strategik bagi menjaga hak pemilik serta pewaris tanah, seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk setempat.

"Dengan berpanduan

halatuhu baharu itu, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) sedang berusaha merancang secara terperinci tentang perancangan pembangunan.

"Selain itu, mereka juga sedang mendekati pihak swasta mahupun agensi berkaitan kerajaan (GLC) tentang pelaburan bagi membolehkan kawasan-kawasan terlibat dibangunkan di situ," katanya ketika menjawab pertanyaan Ahli Parlimen Pontian.

Mengulas tentang aspek pelancongan dan kebudayaan pula, ujar Annuar, Pelan Induk Pembangunan Kampong Bharu 2040 (PIPKB 2040) merancang beberapa pembangunan yang menonjolkan

identiti Melayu Kampung Baru.

Jelas beliau, antara yang dirancang adalah Kampong Bharu Food Heaven di samping pembangunan Kampung Baru Shopping Street di Jalan Raja Alang dan penyediaan tapak pelbagai guna bagi tujuan Bazar Ramadan.

Dalam perkembangan lain, Annuar memaklumkan Quran Village dirancang sebagai pembangunan yang memamerkan konsep penghayatan isi kandungan Al Quran.

"Selain pembangunan yang dirancang melalui peruntukan Persekutuan, Quran Village juga akan melibatkan pembangunan yang menggunakan dana wakaf dari dalam dan luar negara," kata beliau. **W K**

Jambatan Labuan-Menumbok tunggu RFP

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang menunggu permohonan bagi cadangan (RFP) pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok.

Ujar Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa**, ia berikutan beberapa syarikat swasta telah menunjukkan minat dan hasrat untuk terlibat dalam pembinaan jambatan yang bakal menjadi *game changer* di Borneo.

Sementara itu, mengulas tentang program perumahan

mampu milik, Annuar berkata, sebanyak 1,112 unit daripada tiga projek pembangunan Residensi Wilayah telah siap dibina di Labuan.

Ujar beliau, Perbadanan Labuan (PL) juga menyediakan rumah sewa di Taman Perumahan LDA dan Taman Mutiara pada kadar yang berpatutan.

Menjawab persoalan tentang peruntukan mengurus PL pula, Annuar berkata, bagi Belanjawan 2021, Geran Kerajaan untuk peruntukan mengurus (OE) akan susut kepada RM39,408,500. **W K**

Kisah OKU yang memberikan inspirasi

Dek Mat berdikari untuk berjaya

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com
Foto NAZIRUL ROSELAN

WALAU PUN bergelar Orang Kurang Upaya (OKU), kekurangan itu tidak menjadi penghalang kepada seorang lelaki bagi membangun dan mengusahakan gerai nasi lemak sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Biarpun diuji tanpa kedua belah tangan, pemilik Gerai Nasi Lemak Bujang, **Mohd Nor Abdullah, 28** atau lebih mesra dikenali sebagai Dek Mat cekal menguruskan kehidupannya sendiri tanpa bantuan daripada ahli keluarganya.

Memulakan rutin harian-seawal pukul 6.45 pagi, beliau akan mula 'mengangkat' meja menggunakan dagunya serta menyeret kerusi dengan kakinya secara berhati-hati dan menurunkan setiap anak tangga dari tingkat satu untuk menjaja nasi lemak yang dibekalkan ibu rakannya untuk dijual sambil dibantu abangnya.

"Saya mula menjual nasi le-

mak sejak empat bulan lalu kerana mahu berdikari dan tidak mahu susahkan keluarga walaupun mereka tinggal berdekatan.

"Nasi lemak ini dihantar awal pagi setiap hari. Kebiasaannya saya dapat menjual kira-kira 100 bungkus dengan harga RM1.50 sebungkus," katanya kepada *Wilayahku* selepas penyampaian Gerai Mary di Cheras baru-baru ini.

Penyampaian gerai tersebut disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa**. Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mahadi Che Ngah dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Zaizalnim Zainun.

Mohd Nor memberitahu, beliau tidak menyangka kisahnya menjaja tular di laman media sosial telah menambah rezekinya.

"Saya tidak sangka Menteri Wilayah Persekutuan datang untuk menyerahkan bantuan dan makan di gerai ini malah beliau menghulurkan bantuan gerai kepada saya.

"Ini dapat memudahkan lagi



ANNUAR (tengah) dan Mahadi (kiri) menjamu selera di gerai Nasi Lemak Dek Mat sambil beramah mesra dengan Mohd Nor (kanan).

perniagaan saya pada masa hadapan dan akan berusaha keras seperti nasihat Tan Sri Annuar Musa yang mahu saya berjaya dalam hidup," katanya.

Tambahnya, melalui bantuan yang diberikan itu, ia akan menambah keazaman untuk lebih berjaya dalam perniagaan bagi membolehkan beliau

membantu orang lain yang memerlukan.

Sementara itu, Annuar menzahirkan rasa kagum terhadap Mohd Nor yang sanggup berusaha untuk memajukan dirinya sendiri.

"Beliau merupakan seorang OKU yang luar biasa dan serba kekurangan. Namun,

menunjukkan usaha gigih mahu berniaga.

"Kalau tidak ada keberanian yang kuat, beliau tidak akan berniaga dan oleh kerana itu, kita perlu membantu beliau agar dapat berniaga dalam keadaan selesa dan memberikan sokongan moral kepadanya," katanya.

Annuar yang juga Pengerusi YWP berkata, pemberian Gerai Mary ini merupakan program berterusan untuk membantu golongan yang memerlukan sebagai galakan kepada mereka untuk berniaga.

"Program ini baru sahaja bermula dan untuk membina gerai ini, YWP mampu membinanya kira-kira 50 unit sebulan.

"Dimana sahaja kita jumpa, yang munasabah kita akan bantu. Kalau kita jumpa sesiapa yang layak dibantu, maka YWP akan bantu dan mudahkan.

"Kita juga akan melihat keperluan-keperluan yang lain dan sekiranya bersesuaian, bantuan akan diberikan dengan syarat mereka mempunyai keazaman yang kuat untuk berjaya dan berdikari," katanya. **W K**

Persatuan, NGO terima bantuan perlu aktif laksana program

PERANAN Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) dan badan bukan kerajaan amat mustahak dalam membina dan menggerakkan komuniti di Wilayah Persekutuan terutama yang menerima bantuan daripada kerajaan.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, semua persatuan sama ada besar atau kecil termasuklah persatuan Orang Kelainan Upaya (OKU) mempunyai peranan yang besar dalam menggerakkan komuniti atau berdasarkan kepada aktiviti.

"Sekiranya semua persatuan dan MPPWP aktif berhubung dengan rakyat, maka ia dapat memudahkan pihak kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mencari dan membawa masalah yang berkaitan dengan kemiskinan, kedaifan dan darurat.

"Mereka juga umpama mata dan telinga kepada kerajaan kerana dapat menyalurkan informasi dan maklumat yang boleh meningkatkan kehidupan rakyat.

"Atas dasar itulah, kita hendak memberikan galakan



ANNUAR (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada persatuan penduduk bagi mengaktifkan masyarakat di peringkat akar umbi.

dalam melaksanakan program di Wilayah Persekutuan dan pihak DBKL turut membantu menggerakkan persatuan-persatuan tersebut melalui MPPWP," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Persatuan Penduduk Kuala Lumpur di bawah Program Wilayah Cakna 3.0 di Menara 3 DBKL baru-baru ini.

Katanya, sebanyak 450 persatuan penduduk diberikan peruntukan secara *one-off* ber-

jumlah RM2000 bagi setiap persatuan untuk menganjurkan aktiviti yang berkaitan dengan pembudayaan norma baharu.

"Ia membabitkan peruntukan kewangan kira-kira RM900 ribu bagi menjalankan aktiviti tersebut.

"Selain itu, KWP juga telah bersetuju untuk memberikan tambahan RM5,000 kepada persatuan bagi membantu mereka dalam hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran." **W K**

Saman fitnah: Annuar mahu agih RM20 juta pada penjaja

MENJADI mangsa fitnah 'di siang hari', Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** tidak tunggu lama untuk memulakan proses perundangan saman malu terhadap Ahli Parlimen DAP Cheras, Tan Kok Wai dan portal berita Malaysiakini.

Annuar yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) berkata, sekiranya murah rezeki dan memenangi tuntutan saman RM20 juta tersebut, beliau tidak akan mengambilnya walau satu sen.

"Kalau menang saman itu saya tidak akan ambil satu sen pun, sebaliknya saya akan agihkan kepada penjaja di Wilayah Persekutuan," katanya pada Sabtu.

Jelas beliau, tuntutan saman itu dibuat setelah mendapati ia merupakan tuduhan yang berunsur fitnah dengan niat mahu menjatuhkan maruahny

sebagai menteri.

"Sebelum ini, ada juga tuduhan liar dari pelbagai pihak kerana saya merupakan ahli politik. Bila kena tuduh tu, marah jugalah sikit-sikit, namun kali ini ia berunsur fitnah dan agak keterlaluan.

"Saya pun menghubungi peguam dan menuntut permohonan maaf secara rasmi daripada Ahli Parlimen Cheras.

"Sekiranya dia tidak mahu menarik balik (tuduhan), dia tak nak minta maaf secara rasmi dan jika dia tidak dapat buktikan saya menjual tanah tersebut, saya tuntutan pada Kok Wai untuk bayar pada saya RM10 juta.

"Dan satu pihak lagi adalah portal Malaysiakini RM10 juta juga. Jadi ada RM20 juta," katanya.

Notis tuntutan telah dihantar dan diterima pihak-pihak terlibat melalui peguam Shahrul Hamidi & Haziq Advocates & Solicitors. **W K**